



Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Kuantan

Kemampuan menurunkan suhu badan antara kelebihan cincau kering pudina tiga dalam satu yang dihasilkan empat pelajar semester empat Diploma Teknologi Makanan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), di sini.

Inovasi terbaik yang dihasilkan pelajar terbabit turut dikatakan mampu menurunkan tekanan darah tinggi, selain menjadi penyejuk badan ketika musim panas.

Wakil pelajar terbabit, Nurul Fithri Yanie Mohd Rozli, 22, berkata, mereka mengambil masa empat bulan menghasilkan cincau kering pudina tiga dalam satu yang pertama di negara ini.

Katanya, untuk menghasilkan produk berkenaan yang turut mengandungi campuran tepung kanji, perasa pudina dan gula, ia mengambil masa seminggu melalui beberapa proses seperti

Jeli penyejuk badan

Empat pelajar POLISAS hasilkan cincau kering pudina 3 dalam 1

Foto: MOHD RAFI MAMAT



NURUL Fithri Yanie (kanan) bersama rakan-rakannya pada Festival Agromakanan dan Bioteknologi 2016 POLISAS, di Dewan Sri Mahkota.

pengeringan dalam ketuhar satu hingga dua hari.

Katanya, produk berkenaan

boleh disimpan selama setahun dalam cuaca kering tanpa menjejaskan warna

dan rasanya.

"Untuk menggunakannya

hanya perlu merendam da-

lam air panas. Cincau kering pudina tiga dalam satu ini boleh disediakan panas dan sejuk dengan hasil kajian dilakukan, kebanyakan pengguna lebih menyukai minuman sejuk yang dapat menyegarkan badan.

"Saya yakin produk yang dianggap unik dan bermutu ini mampu menembusi pasaran tempatan jika mendapat sokongan pameran, ceramah dan pembentangan kertas penyelidikan.

Seramai 200 pelajar membabitkan lima politeknik iaitu POLISAS, Politeknik Jeli, Kelantan, Politeknik Sempadan, Sabah, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan dan Politeknik Tun Syed Nasir, Johor, menyertai program itu.

Industri Asas Tani negeri, Datuk Shafik Fauzan Sharif, di sini, kelmarin.

Nurul Fithri berkata, turut sama terbabit menghasilkan produk berkenaan ialah Liny Shazwana Mohd Nizam, 23, Nor Halili Mohd Muhiddin, 20 dan Nadia Alishah Abdullil, 22.

Dalam program itu, produk yang dihasilkan mereka menerima Anugerah Inovasi Produk Makanan menewaskan 24 pasukan yang bertanding.

Sempena dua hari itu, pelbagai aktiviti diadakan antaranya pertandingan inovasi produk makanan, gerai jualan, pameran, ceramah dan pembentangan kertas penyelidikan.

Seramai 200 pelajar membabitkan lima politeknik iaitu POLISAS, Politeknik Jeli, Kelantan, Politeknik Sempadan, Sabah, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan dan Politeknik Tun Syed Nasir, Johor, menyertai program itu.

“Untuk menggunakannya hanya perlu merendam dalam air panas Nurul Fithri Yanie”



6 juara reka bangku stesen MRT

» Idea kreatif pelajar IPT dipasang di enam hentian

Oleh Wan Nur Faliqha Wan Hazani
bhnews@bh.com.my

Sungai Buloh

Enam penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) berjaya memenangi hadiah utama Pertandingan Reka Bentuk Bangku anjuran Mass Rapid Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT), semalam.

Keenam-enam mereka ialah Mohd Saiful Anuar Zamri dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Chong Chin Sheng (Kolej Erican, Kuala Lumpur), Chan Lee Kang (Universiti Sains Malaysia), Lee Ling (Kolej Erican), Siti Nur Hajar Kamsani (Universiti Teknologi MARA Seri Iskandar) dan Chia Sen Chung (Kolej Saito, Petaing Jaya).

Bawa pulang RM7,000
Kemenangan itu membolehkan mereka masing-masing membawa pulang wang tunai RM7,000 dan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Pengarah Projek MRT



Karakashian (empat dari kiri) bersama enam pemenang utama Pertandingan Reka Bentuk Bangku anjuran MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT di Sungai Buloh, semalam.

Corp laluan SBK, Marcus Karakashian di Pusat Latihan KVMRT di sini.

Hasil reka bentuk itu akan dipasang di enam stesen bawah tanah laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) iaitu stesen Muzium Negara, Merdeka, Pasar Seni, TRX, Cochrane dan Maluri.

Karakashian berkata, pertandingan yang julung kali diadakan itu bertujuan menggalakkan pe-

serta mencipta bangku yang kreatif bagi kegunaan orang ramai di stesen bawah tanah KVMRT.

"Rekaan dan idea itu perlu asli, mempunyai nilai estetik dan inovatif untuk menampakkan bakat kreatif peserta terbabit.

"Malah, reka bentuk bangku juga perlu mempunyai struktur serta gabungan keunikan yang baik untuk ditempatkan di enam stesen itu," katanya

ketika ditemui, di sini, semalam. Beliau berkata, pihaknya menerima 133 reka bentuk dari 19 IPT dan hanya 21 reka bentuk di pilih ke peringkat akhir.

Gabungan tiga bangsa
Katanya, pihaknya juga memberi dana RM500 kepada finalis untuk digunakan dalam mereka bentuk bangku.

Seramai 15 finalis lain turut

menerima hadiah sagu hati iaitu wang tunai RM3,500 beserta sijil penyertaan.

Sementara itu, Siti Nur Hajar 23, berkata reka bentuk bangku yang diciptanya itu berkonsepkan kehidupan bandar.

"Menerusi konsep bangku ini saya gabungkan tiga bangsa yang ada di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India yang hidup ber satu dalam suasana harmoni," katanya.

Helo Kampus

NCiE-TVET semarak budaya inovasi penyelidikan



SHAHUDIN MAN (tengah) dan Menteri Abul Razak (tga dgr) menyerahkan anugerah kepada pemenang Peridangan NCiE-TVET kali ke-6, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan Pahang baru-baru ini.

INOVASI adalah perubahan cara berfikir untuk mendapatkan hasil atau produktiviti yang lebih baik dari semasa ke semasa. Ia bukan hanya berkaitan sains dan teknologi semata-mata. Inovasi juga bukan hanya untuk golongan profesional tetapi perlu difahami oleh masyarakat dan pelbagai taraf sosial tidak kira di bandar atau pedalaman.

Oleh MOHD. SARFUL MOHD. SAHAK
Amokpus@utusan.com.my



Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Pengerah Politeknik Sultan

Haji Ahmad Shah (Polisas), Norlida Abd Razak berikati, penangrangan Peridangan Pendidikan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (NCiE-TVET), merupakan salah satu pemanda aras kepada tenaga akademik dalam idea-idea penyelidikan serta mengemukakan idea inovasi berimpak tinggi untuk dikomersialkan.

penyelidikan dan inovasi juga adalah penting dalam memajukan Universiti Awam termasuk Politeknik Malaysia untuk kekal relevan di dalam bidang pendidikan. "Justeru, pelaksanaan program NCiE-TVET ini amat penting untuk memberi galakan ke arah mengokalkan daya saing dalam arena teknikal dan vokasional (TVET)", katanya. NCiE-TVET diadakan dengan

kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dan Management and Science University (MGSU). Peridangan NCiE-TVET kali ke-6 ini telah diadakan Polisas, Kuantan Pahang pada 27 hingga 28 September lalu dan dirasmikan oleh Turbunan Ketua Pengarah (Strategik), Jabatan Pendidikan Politeknik, Shahudin Man.



SEBANYAK 108 delegasi yang hadir pada Peridangan NCiE-TVET kali ke-6.

Sementara itu, Shahudin berkata, peridangan selama dua hari itu diharapkan dapat menyumbang buah fikiran, memajukan institusi pendidikan dan mengembangkan proses penyelidikan dan inovasi. "Penemuan-penemuan baharu mahupun input yang diperolehi sepanjang peridangan ini diharap mampu menyumbang kepada penambahbaikan kurikulum TVET seterusnya dapat meningkatkan kualiti modal insan negara kita," katanya. Penyampai ucapan peridangan terdiri daripada CEO PRT Logistics Group Sdn. Bhd. Datuk Michael Tio dan Pengerah Universiti Sains Malaysia, Prof. Ramayah Thurasamy. Sebanyak 108 kerusi penyelidikan telah dibentangkan meliputi pelbagai bidang kejuruteraan, perniagaan dan logistik, pendidikan, pedagogi dan sains sosial yang berkaitan dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.

SINAR HARIAN, 16 MEI 2016, M/S:35

Berjaya cipta mesin kupas bawang

Tiga penyelidik Polisias bantu memudahkan kerja industri khususnya IKS

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Tiga penyelidik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisias) berjaya menghasilkan mesin pengupas bawang bagi memudahkan pihak industri terlibat. Ketua Penyelidik, Halimah Ab Rahim berkata, pihaknya berjaya memperoleh geran Jaringan Penyelidikan Swasta - Awam (PPRN) Jula tahun lalu untuk membangunkan projek inovasi itu. Menurutny, projek di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) itu dibangunkan bersama dua lagi penyelidik iaitu Mohd Hariz Ibrahim dan Muhammad Hissamuddin Shah Zainal Abidin. "Kami mendapati masalah yang dihadapi oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah untuk mengupas bawang secara

manual yang memakan masa selain kualiti bawang yang dikupas di konsisten. "Daripada penyelidikan dan pembangunan dibangunkan, kami membuat satu reka bentuk mesin yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu mesin pengredan saiz bawang, mesin pemotong akar bawang dan mesin pengupas kulit bawang," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini, kelmarin. Halimah berkata, mesin itu akan diserahkan kepada industri, Syarikat NQ Group Enterprise dari Melaka. Beliau berkata, pihaknya mengambil masa enam bulan untuk membangunkan projek inovasi berkenaan dan ia siap dalam tempoh ditetapkan. Katanya, mereka menghadapi pelbagai cabaran dalam merealisasikan hasrat kerajaan dalam penyelidikan supaya boleh

“ Kami mendapati masalah yang dihadapi oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah untuk mengupas bawang secara manual yang memakan masa.”
- Halimah

diguna pakai oleh industri. "Kami berharap, mesin pengupas bawang dihasilkan dapat memudahkan kerja industri," katanya. Sementara itu, Pengurus Syarikat NQ Group Enterprise, Mohd Faris Abdul Salim berkata, pihaknya gembira dan berpuas hati dengan projek inovasi kumpulan penyelidik terbahit. Katanya, mesin itu mempercepatkan proses mengupas bawang dan lebih sistematis.



Halimah (kanan) berjaya menghasilkan mesin pengupas bawang bersama dua rakannya.



UTUSAN MALAYSIA, 26 OKT. 2016, M/S: 32

300 pensyarah sertai NCiE-TVET di Polisas

KUANTAN 25 Okt. - Sebanyak 300 pensyarah dari politeknik seluruh negara dan universiti awam menyertai Persidangan Pendidikan dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (NCiE-TVET) di sini baru-baru ini.

Persidangan selama dua hari itu dianjurkan bersama Jabatan Pendidikan Politeknik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dan Management and Science University (MSU).

Pengarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas), Norlida Abd. Razak berkata, penganturan persidangan kali ke enam itu merupakan platform kepada tenaga akademik untuk mencungkil tentang penyelidikan serta mengetengahkan idea serta penemuan inovasi berimpak tinggi untuk dikomersilkan.

"Tumpuan berterusan dalam penyelidikan dan inovasi juga adalah penting dalam memastikan universiti awam termasuk Politeknik Malaysia untuk kekal relevan di dalam bidang pendidikan.

"Justeru, pelaksanaan program seperti NCiE-TVET ini amat penting untuk mendapat sokongan dan galakan yang padu bagi mengekalkan daya saing dalam arena teknikal dan vokasional," katanya ketika berucap pada majlis tersebut yang dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Jabatan Pendidikan Politeknik, Shabudin Man di Polisas di sini baru-baru ini.

Tambah Norlida, sebanyak 108 kertas penyelidikan dibentangkan meliputi bidang kejurute-

raan, perniagaan dan logistik, pendidikan, pedagogi dan sains sosial yang berkaitan bidang pendidikan teknikal dan vokasional.

"Ucuptama pada program ini dibentang oleh Ketua Pegawai Eksekutif PRT Logistics Group Sdn. Bhd, Profesor Datuk Michael Tio dan Profesor Ramayah Thurasamy dari Sekolah Pengurusan, Universiti Sains Malaysia (USM).

"Persidangan ini diharapkan menjadi platform untuk perkongsian ilmu dalam kalangan pendidik institusi pendidikan tinggi (IPT) dan seterusnya dapat membudaya dan memperkasakan penyelidikan dalam bidang TVET.

"Penemuan baharu mahupun input yang diperolehi sepanjang persidangan ini diharap mampu menyumbang kepada penambahbaikan di dalam kurikulum TVET dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti modal insan negara kita," ujarnya.

Jelas beliau, program sebegini juga diharap dapat menyumbang buah fikiran dan bermanfaat dalam membantu institusi pendidikan melestarikan dan mengembangkan proses penyelidikan dan inovasi.

"Budaya inovasi dan penyelidikan merupakan antara aspek penting dalam sistem pendidikan di Malaysia dan diberi keutamaan pada masa kini.

"Selaras dengan hasrat kerajaan seperti yang dinyatakan Menteri Pendidikan Tinggi dalam Amanat Tahun Baharu 2016 bahawa penyelidikan yang dipacu industri dan permintaan akan dipertingkatkan untuk menyelesaikan permasalahan tertentu sektor industri dan komuniti," jelasnya.